

NEWS CLIPPING

MEDIA: Berita Harian

DATE: 24 November 2014

SECTION/PAGE: Bisnes/ Pg B3

BH 24 NOVEMBER 2014 © ISNIN

BISNES B3

Lebih RM21b diagih untuk projek MRT

» Pengagihan beri peluang kontraktor Bumiputera terbabit projek mega

Oleh Siti Nurazlinee Azmi
sitinurazlinee@bh.com.my

Sebanyak RM21.035 bilion nilai kontrak di bawah Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah di-anugerahkan sehingga akhir bulan November 2014 dan daripada jumlah itu sebanyak RM10.5 bilion kontrak iaitu 50 peratus berjaya diberikan kepada kontraktor Bumiputera Kelas G7 iaitu yang terbabit dalam kontrak yang mempunyai nilai kerja melebihi



RM10 juta.

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan dan Pengurusan Tanah, MRT Corp, Haris Fadzilah Hassan ketika ditemui di pejabatnya, berkata sasaran asal yang diberi kerajaan kepada MRT Corp untuk kontraktor Bumiputera berjumlah RM8.56 juta iaitu 43 peratus bagi keseluruhan kontrak. Ini bermakna MRT Corp berjaya mencapai sasaran malah melebihi sasaran yang diberikan.

Selain kontraktor besar, Haris berkata, dalam memperkasakan kontraktor Bumiputera, MRT Corp turut memberi peluang kepada kontraktor Kelas G1, G2, G3 dan G4 mengikut nilai kerja masing-masing misalnya sehingga

RM200,000 untuk G1 dan sehingga RM3 juta untuk G4. Ini bagi memastikan kontraktor kecil terbabit dapat memberi sumbangan dalam projek MRT yang rancak dijalankan.

Beliau berkata, ia bertujuan memberi peluang kepada syarikat kecil terbabit untuk berkecimpung dalam projek MRT dan membolehkan mereka memiliki rekod kerja yang bagus dan berpengalaman dalam bidang Projek Rail.

"Tawaran untuk kontraktor Bumiputera bagi Kelas G1 hingga G4 adalah di sekitar jajaran MRT dari Sungai Buloh sehingga Kajang dan ada 3,370 syarikat yang disenaraikan Pusat Khidmat Kontraktor untuk diberi peluang kerjasama berkenaan. Daripada jumlah itu, 545 syarikat telah berjaya disenarai pendek selepas melalui proses saringan yang dibuat berdasarkan keupayaan kewangan, rekod pencapaian dan pengalaman.



Ia bertujuan memberi peluang kepada syarikat kecil terbabit untuk berkecimpung dalam projek MRT."

Haris Fadzilah Hassan
Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan dan Pengurusan Tanah, MRT Corp



121 kontraktor kecil terbabit

"Daripada 545 syarikat yang disenarai pendek, MRT Corp telah memberi pakej kerja melalui cabutan undi (balloting) kepada 121 syarikat dengan jumlah nilai sebanyak RM80.42 juta.

"Baki 129 pakej kerja dengan jumlah nilai RM120 juta yang diperuntukkan untuk syarikat Bumiputera Kelas G1 ke G4 akan diberi bermula daripada sekarang sehingga 2016 kelak," katanya.

Beliau berkata, selain kontraktor Bumiputera berskala kecil, MRT Corp turut menjalinkan kerjasama dengan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dengan membuka ruang dan landasan kepada golongan muda khususnya graduan untuk bersama menyertai projek MRT.

"MRT Corp menyediakan 20 pakej untuk 20 syarikat yang dikendalikan sendiri oleh graduan yang menyertai program ini. Setiap syarikat diwakili dua hingga tiga graduan yang diberi latihan oleh PUNB, malah turut diserapkan ke dalam syarikat kontraktor mega untuk latihan amali selama enam bulan sebelum dilantik MRT Corp sebagai kontraktor bagi projek MRT.

"Empat daripada 20 syarikat sudah pun memulakan pekerjaan mereka dan ia adalah jambatan terbaik untuk golongan muda terbabit secara langsung dalam projek besar seperti ini kerana pada masa depan industri memerlukan lebih banyak tenaga mahir untuk beraksi dalam pembangunan negara khususnya pengangkutan awam," katanya.